

## Dedah peserta etika kewartawanan



**Peserta didedah mengenai kaedah menangkap foto terbaik menggunakan kamera.**

**JITRA** - Bengkel Media Sehari Universiti Utara Malaysia (UUM) memberi pendedahan kepada pelajar mengenai corak kerja, kemahiran dan etika diperlukan sebagai wartawan.

Pengarah program, Nurul Hidayah Ab Aziz berkata, peserta diajar cara menulis berita dan mendapatkan foto terbaik menerusi aktiviti pelajar untuk dijadikan bahan berita.

"Antara aktivitinya peserta didedahkan etika kewartawanan, cara menghasilkan berita dan mengambil gambar yang sesuai untuk dijadikan bahan hebahan atau penerbitan.

"Bengkel ini dilihat mampu menjadi landasan kepada pelajar untuk berkarya lebih

baik, sekali gus hebahan maklumat berkaitan program menepati kehendak," katanya.

Bagi peserta, Mohamad Firqin Izzuddin Saad, 22, dia mengetahui kaedah menangkap foto yang menepati bahan berita dan mampu menarik perhatian pembaca.

Manakala, Wan Nur Zulaikha Zainuddin, 20, dari jurusan Sarjana Muda Keusahawanan, berkata, bengkel berkenaan memberi manfaat kepada peserta, apabila mereka dapat menulis bahan berita dengan lebih baik.

Pendapatnya disokong pelajar jurusan Sarjana Muda Perbankan, Abdul Wasim Muhamad Sabri, 21, yang berdepan masalah memilih tajuk bersesuaian sebelum ini.